

AmFIRST REAL ESTATE INVESTMENT TRUST

[Ditubuhkan di Malaysia di bawah Surat Ikatan bertarikh 28 September 2006 ("Surat Ikatan Asal") (sebagaimana dipinda melalui Surat Ikatan Ditambah, Disemak dan Dinyatakan Semula bertarikh 15 Disember 2006 ("Surat Ikatan Pertama") dan Surat Ikatan Kedua bertarikh 13 September 2013 ("Surat Ikatan Kedua")) ditandatangani di antara Am ARA REIT Managers Sdn Bhd dan Maybank Trustees Berhad, syarikat-syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965]

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELIMA

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lima ("MAT") pemegang-pemegang unit AmFIRST Real Estate Investment Trust ("AmFIRST REIT") akan diadakan di Manhattan II, Aras 14, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur, No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur pada hari Selasa, 25 Julai 2017 pada jam 10.00 pagi atau pada mana-mana penangguhannya bagi tujuan-tujuan berikut:-

URUSAN BIASA

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017 AmFIRST REIT bersama dengan Laporan Pemegang Amanah dan Juruaudit.

URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya didapati sesuai, untuk meluluskan resolusi-resolusi yang berikut:-

2. **CADANGAN PEMBERIAN KUASA UNTUK MEMPERUNTUKKAN DAN MENERBIT UNIT-UNIT BARU SELARAS DENGAN FASAL 14.03 GARIS PANDUAN SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA MENGENAI AMANAH PELABURAN HARTANAH ("GARIS PANDUAN REIT")** **RESOLUSI BIASA NO. 1**

"BAHAWA selaras dengan Garis Panduan REIT, syarat-syarat Penyeneraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") dan tertakluk kepada kelulusan Resolusi Biasa No. 2 di bawah dan kelulusan dari pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak berkenaan, di mana diperlukan, Lembaga Pengarah Am ARA REIT Managers Sdn Bhd ("Pengurus") ("Para Pengarah") adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan unit-unit baharu dalam AmFIRST REIT ("Unit-unit") dari masa ke semasa kepada orang-orang tertentu dan untuk tujuan-tujuan tertentu menurut budi bicara Para Pengarah seperti yang dianggap wajar dengan syarat bahawa bilangan agregat unit-unit terbitan baharu, apabila diagregatkan dengan bilangan Unit-unit yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini, tidak melebihi 20% daripada saiz dana diluluskan sedia ada AmFIRST REIT pada ketika ini terdiri daripada 686,401,600.

DAN BAHAWA Unit-unit baharu yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini akan, atas peruntukan dan terbitan bertaraf sama rata dalam semua aspek dengan Unit-unit sedia ada, kecuali bahawa Unit-unit baharu tidak akan berhak kepada sebarang pendapatan yang boleh diagihkan, hak-hak, manfaat, kelayakan dan/atau lain-lain pengagihan yang mungkin diisyiharkan sebelum tarikh peruntukan dan terbitan Unit-unit baharu tersebut.

DAN BAHAWA Para Pengarah dan Maybank Trustees Berhad ("Pemegang Amanah"), yang bertindak untuk dan bagi pihak AmFIRST REIT, adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk memberi kesan kepada resolusi ini dengan kuasa penuh untuk menyetujui sebarang syarat, variasi, modifikasi dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah anggap adalah demi kepentingan terbaik pemegang-pemegang unit dan untuk berurusan dengan semua perkara berhubung dengannya dan untuk mengambil semua langkah dan melakukan semua perbuatan dan perkara dalam apa-apa cara sebagaimana yang mereka anggap perlu atau sesuai untuk melaksanakan, memuktamadkan bagi menguatkuasakan sepenuhnya resolusi ini."

3. **CADANGAN PENAMBAHAN DALAM SAIZ DANA DILULUSKAN SEDIA ADA AmFIRST REIT DARIPADA 686,401,600 UNIT SEHINGGA JUMLAH MAKSIMUM SEBANYAK 823,681,920 UNIT DALAM AmFIRST REIT ("UNIT-UNIT")** **RESOLUSI BIASA NO. 2**

"BAHAWA tertakluk kepada kelulusan Resolusi Biasa No. 1 di atas dan kelulusan yang diperolehi daripada semua pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak berkenaan, di mana diperlukan, saiz dana diluluskan sedia ada AmFIRST REIT ditingkatkan daripada 686,401,600 unit sehingga jumlah maksimum sebanyak 823,681,920 unit malah penerbitan sehingga 137,280,320 unit baharu.

DAN BAHAWA Para Pengarah Am ARA REIT Managers Sdn Bhd dan Maybank Trustees Berhad, yang bertindak untuk dan bagi pihak AmFIRST REIT, adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk memberi kesan kepada penambahan dalam saiz dana dengan kuasa penuh untuk menyetujui kepada sebarang syarat, variasi, modifikasi dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana yang mereka anggap wajar demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT dan/atau sebagaimana mungkin diperlukan oleh mana-mana pihak berkuasa berkenaan dan untuk berurusan dengan semua perkara berhubung dengannya dan mengambil semua langkah tertentu dan melakukan semua perbuatan dan perkara dalam apa-apa cara sebagaimana yang mereka anggap perlu atau sesuai untuk melaksanakan, memuktamadkan bagi menguatkuasakan sepenuhnya kepada peningkatan dalam saiz dana."

Dengan Perintah Lembaga Pengarah
Am ARA REIT MANAGERS SDN BHD (730964-X)
Pengurus AmFIRST Real Estate Investment Trust

Chan Sau Leng (MAICSA 7012211)
Ruzetti Emar Binti Mohd Rosli (LS0009965)
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
31 Mei 2017

Nota-nota:-

- (1) Berhubung dengan sekuriti-sekuriti dideposit, hanya para pemegang unit yang mana nama mereka disenaraikan di dalam Rekod Pendeposit AmFIRST REIT pada 18 Julai 2017 sahaja yang layak untuk menghadiri MAT atau melantik proksi bagi menghadiri, mengundi dan bersuara bagi pihak mereka.
- (2) Pemegang unit yang layak untuk hadir dan mengundi pada MAT adalah berhak untuk melantik orang lain (sama ada pemegang unit atau bukan) sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Tidak akan ada sekaian berhubung dengan kelayakan proksi. Proksi yang dilantik untuk hadir dan mengundi pada MAT akan mempunyai hak-hak yang sama dengan pemegang unit untuk bersuara pada MAT.
- (3) Pemegang unit adalah tidak berhak untuk melantik lebih dari dua (2) proksi untuk menghadiri dan mengundi pada MAT. Di mana pemegang unit melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan jika pemegang unit menetapkan pembahagian pemegangan unitnya yang akan diwakili oleh setiap proksi.
- (4) Di mana pemegang unit adalah sebuah perbadanan, wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya adalah berhak untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat dan adalah berhak untuk melantik orang lain (sama ada pemegang unit atau tidak) sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi. Instrumen pelantikan proksi hendaklah secara berulis ditandatangani oleh pelantik atau pegawai/wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya secara berulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan, borang proksi hendaklah disempurnakan dengan meterai perbadanan itu atau ditandatangani oleh pegawai atau peguan/wakil yang diberi kuasa sewajarnya.
- (5) Sekiranya pemegang unit adalah nomini yang dibenarkan sebagaimana ditakrif di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi untuk setiap akaun sekuriti yang dipegang dengan Unit-unit AmFIRST REIT yang dikredit ke akaun sekuriti tersebut.
- (6) Sekiranya pemegang unit AmFIRST REIT adalah nomini diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang unit AmFIRST REIT untuk beberapa pemilik bersama di dalam satu akaun sekuriti ("Akaun Omnibus"), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini diberi kuasa yang dikecualikan untuk setiap Akaun Omnibus yang dipegang.
- (7) Instrumen pelantikan proksi hendaklah diserahkan di pejabat berdaftar Pengurus di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa yang ditetapkan bagi membuat undian dan jika gagal menuruti peruntukan ini, instrumen pelantikan proksi akan dianggap tidak sah.
- (8) **Nota kepada Resolusi Biasa No. 1 - Cadangan Pemberian Kuasa untuk Memperuntuk dan Menerbit Unit-unit Baru Selaras dengan Fasal 14.03 Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Mengenai Amanah Pelaburan Harta Tanah.**
Resolusi Biasa No. 1, sekiranya diluluskan, akan memberi Lembaga Pengarah Pengurus ("Para Pengarah") dari tarikh MAT yang akan datang, kuasa untuk memperuntuk dan menerbit sehingga dua puluh peratus (20%) daripada saiz dana diluluskan sedia ada AmFIRST REIT buat masa ini, jika dan apabila ada keperluan atau peluang pembiayaan tambil yang mana Para Pengarah anggap adalah demi kepentingan AmFIRST REIT. Kuasa ini, melainkan dibatalkan atau diubah pada mesyuarat agung, akan lupon pada MAT yang akan datang.
- (9) **Nota kepada Resolusi Biasa No. 2 - Cadangan Penambahan dalam Saiz Dana Diluluskan Sedia Ada AmFIRST REIT daripada 686,401,600 Unit sehingga jumlah maksimum sebanyak 823,681,920 Unit dalam AmFIRST REIT.**
Resolusi Biasa No. 2, sekiranya diluluskan, akan memudahkan peruntukan dan terbitan Unit-unit selaras dengan Resolusi Biasa No. 1.